

14 APR 2000

Umno-Calon

UMNO BANDAR TUN RAZAK CALONKAN DR MAHATHIR DAN PAK LAH

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Umno Bahagian Bandar Tun Razak hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan Umno Mei ini.

Bahagian itu adalah yang terakhir daripada 165 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat perwakilan bagi memilih calon-calon yang akan bertanding pada pemilihan itu.

Ia turut mencalonkan Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Abu Hassan Omar serta Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bagi jawatan naib presiden.

Mesyuarat itu diadakan hari ini berikutan penangguhan mesyuarat asal 26 Mac lepas berikutan kekecohan yang timbul apabila segelintir anggota perwakilan membuat kacau kerana tidak puas hati terhadap kepimpinan ketua bahagian Haji Tamunif Mokhtar dan pembatalan enam cawangan bahagian itu.

Cawangan-cawangan terbabit ialah Kampung Malaysia Tambahan, Kampung Sri Midah Dalam, Desa Sri Semarak, Sri Kota, Seri Pulau Pinang dan Sri Johor.

Jawatankuasa Pengurusan Umno dalam mesyuaratnya 12 April lalu memutuskan bahawa bahagian Bandar Tun Razak dibenar mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini dengan dikendalikan sepenuhnya oleh Badan Perhubungan Umno Wilayah.

Dua cawangan iaitu Tenaga dan Sri Malaysia ditangguhkan persidangan cawangan masing-masing dan tidak dibenar menghantar wakil ke mesyuarat bahagian malam ini.

Bagaimanapun, kekecohan turut berlaku kali ini berikutan sesetengah anggota yang mempersoalkan perjalanan mesyuarat sehingga mereka bertindak meninggalkan bilik mesyuarat di sini.

Mesyuarat berkenaan diteruskan juga dan ia akhirnya disahkan wakil Majlis Tertinggi iaitu Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Datuk Dr Sulaiman Mohamed.

-- BERNAMA

mam rhm